

MENINGKATKAN PENGUASAAN PENGECEMAN HURUF HIJAIYYAH MELALUI APLIKASI “MulMed” DALAM KALANGAN MURID PRASEKOLAH

Fadzliyah binti Hashim
fadzliyah@ipda.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menilai kepenggunaan Modul Pembelajaran Bahasa Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai keberkesanan kaedah belajar melalui aplikasi “MulMed” dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah bagi meningkatkan penguasaan pengecaman huruf hijaiyyah. Skop kajian ini tertumpu kepada murid prasekolah, di Instituti Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Jitra. Kajian ini melibatkan 7 orang murid yang terdiri daripada 4 orang murid lelaki dan 3 orang murid perempuan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah soal selidik dan ujian. Data yang dikumpul dianalisis secara statistik deskriptif. Keputusan kajian ini menunjukkan pencapaian positif murid dalam mengecam huruf hijaiyyah dengan aplikasi “MulMed”. Kajian ini banyak membantu memupuk minat murid prasekolah untuk lebih bersemangat dalam mempelajari ilmu al-Quran dengan menggunakan buku Iqra’. Saranan saya agar aplikasi “Mulmed” dapat diperluaskan kepada bidang-bidang lain dalam Pendidikan Islam.

Kata kunci: *MulMed, huruf hijaiyyah, prasekolah*

1.0 PENGENALAN

Al-Quran adalah merupakan salah satu mukjizat Nabi Muhammad s.a.w yang telah diwahyukan oleh Allah s.w.t. untuk disampaikan kepada seluruh umat Islam sebagai panduan dalam kehidupan di muka bumi ini. Matlamat pendidikan al-Quran adalah untuk membina masyarakat yang bertaqwa, masyarakat yang adil berdasarkan kasih sayang, belas kasihan, persaudaraan dan masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, demokrasi, tidak zalim, tidak sombong dan masyarakat yang berjalan mengikut garis panduan al-Quran (Ahmad Mohd Salleh, 2008).

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah berusaha mempelbagaikan program-program di sekolah rendah dan menengah untuk memberikan pengetahuan yang sempurna mengenai ilmu al-Quran kepada murid-murid dan pelajar sekolah. Antara program yang telah dilaksanakan di sekolah ialah program j-QAF, Tasmik, Kelas KAFA, Halaqah dan lain-lain lagi. Namun masih ada segelintir daripada pelajar tersebut tidak dapat mengikutinya dengan baik kerana kurang jelas untuk memahami ilmu al-Quran (Cik Asmayati, 2012).

Oleh itu, Pendidikan al-Quran ini perlu ditekankan dari peringkat awal persekolahan lagi iaitu dari prasekolah, di mana pada tahap ini murid-murid dapat mengecam dengan mudah sekali kerana jiwa mereka adalah bersifat ingin tahu pada semua benda yang berada di hadapan mata mereka. Pepatah Melayu ada berkata: “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Sesungguhnya kamilah Yang Berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu), oleh itu, apabila kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril) maka bacalah menurut bacaannya itu.”

(Al-Qiyamah : 17-18)

Untuk merealisasikan kebolehan membaca al-Quran bagi murid prasekolah, langkah awal kajian ini ialah mengenal pasti masalah mereka. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa aspek yang menjadi penyebab masalah ini timbul, antaranya faktor murid, faktor keluarga dan juga faktor sekolah. Antara salah satu faktor keluarga ialah ibu bapa atau penjaga yang kurang memberikan pendedahan kepada anak-anak mereka ketika di rumah, ini menyebabkan murid prasekolah kurang berminat untuk menjadi lebih pintar dalam ilmu al-Quran dan ibubapa masih beranggapan bahawa bidang al-Quran ini sudah memadai dengan belajar di sekolah. Manakala faktor murid pula ialah kurang beminat untuk belajar disusuli pula dengan faktor sekolah yang serba kekurangan dengan alat bantu mengajar yang tidak mampu untuk menarik minat mereka dalam bidang al-Quran.

Menurut Jean Piaget (1980), seorang ahli psikologi dan pendidik menyarankan bahawa kanak-kanak belajar melalui pengalaman dan melakukan aktiviti secara *hands-on*, penyediaan persekitaran yang menarik dan merangsangkan pembelajaran adalah penting. Persekitaran yang kondusif adalah penting untuk membolehkan kanak-kanak mencipta pengetahuan secara tidak langsung. Untuk tujuan ini, penggunaan makmal, bengkel dan teknologi yang interaktif sangat berguna bagi menggalakkan perkembangan kreatif kanak-kanak.

Oleh itu, bagi merealisasikan kebolehan membaca al-Quran menggunakan buku Iqra' dalam kalangan murid prasekolah, “MulMed” diperkenalkan sebagai satu kaedah dan aplikasi untuk membantu permasalahan mereka dalam mengecam huruf hijaiyyah.

2.0 LATARBELAKANG / PENYATAAN MASALAH

Prasekolah Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman (IPGKDA) adalah merupakan satu-satunya prasekolah yang terletak di dalam kawasan IPGKDA di negeri Kedah. Murid prasekolah terdiri daripada anak-anak staf IPGKDA dan anak-anak penduduk setempat yang datangnya daripada pelbagai latar belakang. Prasekolah IPGKDA telah dibuka pada tahun 1994 hingga kini, telah melahirkan beratus generasi yang berilmu dan berakhlak hasil daripada didikan para guru serta pensyarah IPGKDA. Saya merupakan salah seorang tenaga pengajar di prasekolah IPGKDA.

Pemerhatian saya selama bertugas di prasekolah IPGKDA terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam bidang al-Quran (menggunakan buku Iqra') kurang menarik minat murid prasekolah. Kaedah yang saya gunakan dalam P&P hanyalah tasmik dan latih tubi. Tasmik ialah bacaan dalam satu aktiviti yang bertalian. Apabila mendengar atau membaca mereka akan melakukan satu pertalian proses-proses memilih, menelaah, menguji dan mengesahkan maklumat yang didengar atau dibaca. Dalam pengajaran al-Quran, murid diminta membaca dan guru mendengar. Kaedah Tasmik bacaan ayat al-Quran sesuai digunakan bagi ayat tilawah dan hafazan. Seorang murid diminta membaca ayat al-Quran di hadapan guru. Jika terdapat kesalahan, guru akan memperbetulkan, selepas itu murid boleh ditanya mengenai hukum-hukum bacaan atau tajwid dan maksud tanda-tanda bacaan dalam ayat yang dibaca (Nuffnang, 2011). Murid tidak dapat menyebut huruf hijaiyyah dengan betul dan mereka cepat merasa jemu. Mereka gagal mengingat dan mengenal huruf ا hingga ع dengan baik. Antara jawapan murid semasa PdP dilaksanakan:

“payah la ustazah nak sebut...”
“depa pandai...tak pa la ustazah...”
“tak kena ustazah jangan gelak na...”

Berdasarkan pemerhatian dan soal selidik yang telah dibuat, terdapat beberapa masalah yang menyebabkan murid kurang meminati PdP Iqra’, antaranya tidak memberi fokus kepada guru yang sedang mengajar sebaliknya mereka memberi tumpuan kepada objek lain yang lebih menarik di sekeliling mereka. Mereka juga mudah keliru dengan sebutan-sebutan huruf dan sukar mengecam dengan baik kerana huruf hijaiyyah kebanyakannya mempunyai bentuk yang hampir sama dan perbezaannya adalah titik sahaja. Selain itu, sikap mudah bosan dan teknik PdP yang tidak memberangsangkan minda mereka untuk lebih memahami seterusnya mengecam huruf.

Merengung kembali PdP yang telah di laksanakan, terdapat beberapa persoalan dalam diri saya, antaranya: Adakah kaedah dan teknik yang saya gunakan tidak sesuai? Adakah PdP saya tidak menarik? Bertolak daripada itu, saya berhasrat untuk membuat penambahbaikan terhadap PdP supaya murid terkesan dengan pembelajaran dan dapat menyebut huruf hijaiyyah dengan betul, dimana bahan bantu mengajar yang interaktif seperti multimedia perlu di beri penekanan dalam PdP.

Oleh itu, saya telah menggunakan “ MulMed” sebagai bahan bantu belajar yang merupakan alat multimedia di dalam PdP bidang al-Quran (menggunakan buku Iqra’) bagi membantu meningkatkan penguasaan murid prasekolah dalam mengecam huruf hijaiyyah dengan lebih cepat seterusnya dapat menguasai bacaan al-Quran dan dapat melahirkan generasi bijak al-Quran pada masa akan datang. “Mulmed” singkatan daripada perkataan multimedia, dimana penggunaan ICT atau bahan multimedia dapat membantu PdP dengan menyelitkan unsur-unsur yang melibatkan penggunaan pelbagai deria seperti audio, video, animasi, teks dan grafik ke dalam satu medium komunikasi. Proses penyampaian maklumat menjadi lebih efektif dan positif dengan unsur-unsur tersebut (Cik Asmayati, 2012). Saya amat berharap ”Mulmed” dapat membantu mengatasi masalah pengecaman huruf hijaiyyah dalam kalangan murid prasekolah.

2.1 Objektif Kajian

Kajian ini secara terperinci ingin mencapai objektif berikut:

1. Mengenalpasti tahap penguasaan murid prasekolah mengenal huruf hijaiyyah melalui aplikasi “MulMed”.
2. Menganalisis tahap penguasaan murid prasekolah membaca huruf hijaiyyah melalui aplikasi “MulMed”.
3. Meningkatkan penguasaan mengecam huruf hijaiyyah dalam kalangan murid prasekolah melalui aplikasi “MulMed”.

2.2 Persoalan Kajian

Persoalan utama kajian adalah seperti berikut:

1. Sejauh manakah murid prasekolah dapat mengenal huruf hijaiyyah melalui aplikasi “MulMed”?
2. Sejauh manakah murid prasekolah dapat membaca huruf hijaiyyah melalui aplikasi “MulMed” ?
3. Adakah penggunaan “MulMed” dapat meningkatkan penguasaan mengecam huruf hijaiyyah dalam kalangan murid prasekolah?

3.0 SOROTAN KAJIAN / KAJIAN LITERATUR

Kajian terhadap kepada 7 orang murid prasekolah IPGKDA yang keciciran di dalam bidang al-Quran (menggunakan buku Iqra'), yang terdiri daripada 4 orang murid lelaki dan 3 orang murid perempuan. Kajian ini mengambil masa selama 1 bulan untuk melihat peningkatan penguasaan mengecam huruf hijaiyyah melalui aplikasi "MulMed" dalam kalangan murid prasekolah.

Kajian ini merupakan satu kajian kes menggunakan kaedah "MulMed" dalam pembelajaran huruf hijaiyyah dengan menggunakan alat Multimedia sebagai bahan bantu belajar bagi meningkatkan penguasaan mengenal dan mengecam huruf-huruf hijaiyyah. Pengecaman huruf hijaiyyah merupakan suatu yang sangat penting sekali sebagai asas untuk belajar membaca al-Quran (menggunakan buku Iqra').

Sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud:

"Sebaik-baik dikalangan kamu ialah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya"
(Riwayat al-Bukhari)

Sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud:

"Sesiapa yang mengajarkan anaknya al-Quran, maka diampunkan baginya dosanya yang lalu, dan yang akan datang, dan sesiapa yang mengajarnya dengan hafalan maka setiap anaknya itu membaca satu ayat. Allah menaikkan ayahnya satu darjat hingga akhir ayat yang diamalkannya"

(Riwayat at-Tabrani)

Dari keterangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa betapa pentingnya ilmu al-Quran dalam kehidupan manusia. Oleh itu, kajian ini dapat membantu murid prasekolah meningkatkan tahap penguasaan pengecaman mereka terhadap huruf hijaiyyah dalam bidang al-Quran (menggunakan buku Iqra') melalui aplikasi "MulMed". Muhammad Farhan Ismail (2010), yang menjalankan Kajian Pembacaan surah al-Fatihah dalam kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak mendapati bahawa ramai pelajar gagal menguasai pembacaan al-Quran khususnya surah al-Fatihah.

Nor Ella Fadzilah (2012), pengalaman berhadapan dengan murid-murid yang mempunyai masalah dalam kemahiran mengecam huruf. Beliau berasa sangat risau apabila ada antara murid yang masih tidak dapat mengecam huruf dengan baik. menurut beliau, perkara ini tidak boleh dibiarkan memandangkan mereka akan memasuki alam pembelajaran formal bermula seawal 7 tahun. Guru perlu memainkan peranannya dalam membantu kanak-kanak yang bermasalah dalam kemahiran ini. Intervensi awal perlu dijalankan menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai dengan tahap umur murid-murid prasekolah. Banyak teknik dan kaedah yang telah digunakan oleh guru-guru prasekolah untuk membantu murid-murid mengecam huruf seterusnya belajar membaca dengan lebih lancar.

Fazlina binti Fadzil (2012), telah menjalankan kajian pengamalan dan kesedaran pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar Muslim Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan menunjukkan bahawa tahap pengamalan pembacaan al-Quran menunjukkan di tahap sederhana walaupun tahap kesedaran adalah sangat baik. Dapatan kajian telah dianalisis secara kuantitatif yang diambil daripada data soal selidik.

Amirul Faiz (2011), masalah yang dihadapi oleh murid Prasekolah ialah kelemahan untuk berkomunikasi secara interpersonal atau dua hala di Prasekolah dengan pendekatan

penggunaan bahan multimedia iaitu video animasi. Dapatan kajian membuktikan bahawa kaedah pengajaran menggunakan bahan audio visual ini berkesan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal murid prasekolah. Ia memberi kesan positif dalam meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal murid prasekolah.

Menurut Wan Fatmawati (2012), mengecam huruf adalah salah satu kemahiran yang penting sejak awal persekolahan lagi. Oleh sebab itu, sebelum kanak-kanak memasuki alam persekolahan, pendedahan awal haruslah dilakukan untuk memudahkan kanak-kanak menghadapi awal persekolahan dengan selesa. Sudah menjadi kebiasaan jika di awal persekolahan sebahagian besar kanak-kanak prasekolah berusia enam tahun belum mengecam huruf. Akan tetapi, jika sebahagian daripada kanak-kanak tersebut masih belum mengecam huruf walaupun pernah belajar di Tadika Kemas atau telah memasuki prasekolah seawal usia lima tahun, itu adalah perkara biasa.

Terdapat banyak kajian, pandangan dan kenyataan dapat disimpulkan berkaitan pengenalan huruf hijaiyyah dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran oleh murid prasekolah, pengecaman huruf hijaiyyah amat penting kerana ia adalah asas untuk mahir membaca al-Quran. Murid prasekolah akan lebih memberi tumpuan dan perhatian yang lebih terhadap sesuatu pembelajaran yang menarik minat mereka seperti pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan berinovasi. Keciciran dalam pelajaran asas harus dielakkan kerana ia akan membawa kepada berbagai masalah apabila berada di kelas-kelas atasan seperti teori-teori di atas menyatakan masih ramai pelajar politeknik gagal menguasai pembacaan al-Quran khususnya al-Fatihah. Selain itu, hasil maklumat yang diperolehi amat membantu dan meyakinkan saya lagi untuk menjalankan kajian dengan lebih berkesan dan jaya.

Dalam konteks sumbangan dalam bidang PdP, penulis mengharapkan kajian ini dapat membantu pihak prasekolah IPGKDA untuk meningkatkan prestasi dalam bidang al-Quran dari peringkat prasekolah lagi. Selain itu juga, kajian ini juga dapat memberikan anjakan paradigma kepada guru Pendidikan Islam untuk memperbaiki kaedah P&P di dalam kelas sekaligus murid dapat meningkatkan pengetahuan mereka berkaitan al-Quran dengan lebih baik dan berkesan lagi. Disamping itu, ia juga dapat memberi peluang dan pengalaman baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru Pendidikan Islam dapat menggunakan pelbagai kaedah dan teknik untuk menjadi guru yang lebih kreatif dan berinovasi pada masa akan datang.

4.0 METODOLOGI

Pelaksanaan tindakan merupakan bahagian yang amat penting dalam penyelidikan tindakan. Saya telah menyatakan cara penyelesaian yang terbaik untuk menangani isu atau masalah yang telah dikenal pasti dalam fokus kajian. Hal ini disokong berdasarkan pandangan Mertler (2006), tujuan penyelesaian masalah adalah untuk penambahbaikan amalan dan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan ini semestinya perlu melalui perancangan yang rapi. Kurt Lewin (1946), menjelaskan bahawa sesebuah penyelidikan perlu diikuti dengan tindakan sosial. Beliau mengemukakan satu model pilin dan setiap pilin atau kitaran itu mengandungi langkah-langkah perancangan, tindakan dan peninjauan atau pencarian fakta mengenai kesan atau keputusan sesuatu tindakan.

Peserta kajian terdiri daripada 7 orang murid prasekolah IPGKD yang terdiri daripada murid-murid yang berumur 6 tahun, 4 orang murid lelaki dan 3 orang murid perempuan yang datangnya dari pelbagai sosio ekonomi. Ciri-ciri unik mereka terdiri daripada pelbagai kecerdasan, ada di antara mereka yang hiperaktif, banyak bercakap, tidak berminat untuk belajar dan sukar menerima arahan daripada guru.

Dalam kajian ini saya menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu ujian 1 dan ujian 2 ke atas 7 orang murid Prasekolah IPGKDA. Menurut Noresah (2007), instrument ialah alat atau kata lain dokumen rasmi yang sah di sisi undang-undang dan mengikut peraturan tertentu yang menyatakan hak pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu kontrak dan sebagainya. Saya menggunakan Ujian 1 (ujian sebelum aplikasi “Mulmed” dijalankan dan Ujian 2 (ujian selepas “Mulmed” dilaksanakan).

Data yang dikumpul perlu dianalisis. Oleh itu, sebelum mengumpul dan menganalisis data memerlukan penjelasan secara terperinci tentang kaedah pengumpulan data yang dipilih, instrument yang diguna dan cara-cara data dianalisis. Menurut Chow Fook Meng dan Jaizah Mahamud (2011), prosedur pengumpulan dan penganalisan data harus berkait rapat dengan pembelajaran dan pengajaran serta dapat menjawab objektif dan persoalan kajian. Bagi memastikan keberkesanan kajian ini, saya telah menggunakan ujian 1 dan ujian 2 sebagai instrument untuk mendapatkan jawapan ke atas setiap persoalan yang telah saya kemukan.

Ujian 1 dijalankan sebelum pelaksanaan “MulMed” bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengecaman huruf hijaiyyah. Ujian ini dilakukan ke atas 7 orang murid prasekolah yang telah dikenal pasti tidak dapat mengenal huruf hijaiyyah sebagai peserta kajian. Soalan kajian adalah menyebut huruf hijaiyyah secara individu pada instrument ujian 1. Manakala ujian 2 pula dijalankan setelah selesai pengajaran dan pembelajaran mereka melalui kaedah aplikasi “Mulmed” dilaksanakan. Ujian ini adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanan penggunaan alat multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap murid prasekolah dalam pengecaman huruf hijaiyyah. Instrument yang digunakan dalam ujian 1 dan ujian 2 adalah sama. Berikut adalah aktiviti yang telah dijalankan;

3.1 Langkah 1

Saya mendengar sebutan huruf hijaiyyah secara rawak pada setiap murid berdasarkan huruf yang terdapat pada instrument ujian 1. Saya menanda pada instrument ujian 1 sama ada mereka boleh menyebut huruf hijaiyyah atau tidak. Mereka yang tidak dapat menyebut huruf hijaiyyah dengan betul dipilih sebagai peserta kajian.

3.2 Langkah 2

Murid telah dibawa ke bilik makmal pada setiap kali waktu P&P al-Quran, dimana mereka telah didedahkan dengan pembelajaran dengan menggunakan komputer melalui perisian multimedia yang pelbagai, mereka sangat teruja. Saya telah menggunakan sepenuhnya peralatan multimedia bagi meningkatkan minat murid dalam menyebut huruf hijaiyyah dengan betul.



Rajah 1: Pengajaran dan Pembelajaran yang Dijalankan di bilik Makmal Komputer

Data yang telah dikumpul perlu dianalisis dan dibuat interpretasi bagi membolehkan penyelidik melapor dapatan kajian berdasarkan bukti-bukti yang telah diperoleh (Metler, 2006). Selain itu, analisis data dapat membantu pembaca memahami apa yang penyelidik ingin sampaikan dengan data yang diperoleh.

Bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan, saya telah melaksanakan ujian 1 dan ujian 2. Soalan yang terdapat dalam ujian 1 dan ujian 2 adalah sama. Ujian 1 merupakan ujian awal sebelum intervensi dilaksanakan. Manakala ujian 2 pula dilaksanakan selepas selesai tindakan intervensi untuk melihat peningkatan penguasaan mengecam huruf hijaiyyah melalui aplikasi “MulMed”. Saya menandakan (/) pada bacaan yang betul, manakala (X) pada bacaan yang salah. Bagi pengiraan markah pula saya telah merujuk kepada jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan pengiraan gred mengikut markah yang diperolehi oleh murid untuk membuat penilaian berkala. Bagi murid yang mendapat gred A peratus markah yang dicapai ialah antara 85% - 100% markah iaitu Amat Cemerlang, manakala bagi murid yang mendapat 75% - 84% markah akan mendapat gred B dengan pencapaiannya Cemerlang, Seterusnya murid yang mendapat gred C ialah tahap perolehan markah mereka antara 65% - 74% markah dengan pencapaian Baik, bagi murid yang memperolehi markah 55% - 64% markah dengan pencapaian sederhana iaitu gred D, Lulus untuk murid yang memperolehi 40% - 54% markah dengan gred E . Manakala gagal bagi murid yang mendapat 0% markah hingga 39% markah dengan pencapaian gred F.

Jadual 1: Skor Pemarkahan Mengikut Gred

GRED	PERATUSAN MARKAH (%)	PENCAPAIAN
A	85-100	AMAT CEMERLANG
B	75-84	CEMERLANG
C	65-74	BAIK
D	55-64	SEDERHANA
E	40-54	LULUS
G	0-39	GAGAL

5.0 DAPATAN KAJIAN

Bagi memastikan kajian yang telah dilaksanakan selaras dengan objektif dan soalan kajian, semuanya telah terjawab dengan melaksanakan dua kaedah pengumpulan data yang bersesuaian iaitu ujian 1 dan ujian 2 bagi memudahkan penulis mengumpul hasil dapatan kajian.

1. Sejauhmanakah murid prasekolah dapat mengenal huruf hijaiyyah melalui aplikasi “Mulmed”?


Ujian 1 dan ujian 2 telah dijalankan ke atas 7 orang murid untuk melihat penguasaan mereka dalam mengenal huruf hijaiyyah sebelum dan selepas sesi pembelajaran melalui penggunaan “Mulmed”.

a. Ujian 1

Merujuk kepada jadual 2 dan rajah 2, ujian 1 menyebut huruf hijaiyyah menunjukkan enam orang lulus, iaitu murid A dan F mendapat 46 markah dengan gred pencapaian E iaitu lulus. Manakala murid B dan D, kedua-duanya memperolehi 50 markah juga gred E lulus. Murid C juga memperolehi gred E lulus dengan markah 42. Manakala murid E masih ditakok lama dengan memperolehi markah 36 markah iaitu gred G iaitu gagal. Saya mendapati bahawa murid ini belum menguasai huruf hijaiyyah kerana beberapa faktor, antaranya ialah tidak mahu sarapan pagi, seperti mana pelajar lain bersarapan bersama-sama mengikut menu telah disediakan oleh pembantu pengurusan murid, selain itu murid ini sering tidak hadir ke sekolah atas sebab-sebab tertentu.

Jadual 2 : Pencapaian Markah Mengenal Huruf Hijaiyyah

BIL	RESPONDEN	MARKAH	GRED	PENCAPAIAN
1	Murid A	46%	E	Lulus
2	Murid B	50%	E	Lulus
3	Murid C	42%	E	Lulus
4	Murid D	50%	E	Lulus
5	Murid E	36%	G	Gagal
6	Murid F	42%	E	Lulus
7	Murid G	46%	E	Lulus




Rajah 2: Pencapaian Markah Mengenal Huruf Hijaiyyah

b. Ujian 2


Ujian 2 telah dijalankan kepada 7 orang murid selepas sebulan untuk menilai peningkatan mereka dalam penguasaan mengenal huruf hijaiyyah melalui aplikasi “Mulmed”. Dapatan menunjukkan prestasi yang baik dan cemerlang di dalam mengenal huruf hijaiyyah. Di mana murid A memperoleh 98 markah dengan gred A iaitu pencapaian amat cemerlang. Manakala murid B dan D memperoleh markah penuh iaitu 100% dengan gred A pencapaian amat cemerlang. Manakala murid E telah berjaya memperoleh gred B iaitu dengan markah 72% dengan pencapaian Baik. Bagi murid F dan G, masing-masing memperoleh markah 96% dan 92% peratus dengan gred amat cemerlang. Jadual 3 dan rajah 3 menunjukkan tahap pencapaian mereka dalam ujian 1.

Jadual 3: Tahap Pencapaian Mengenal Huruf Hijaiyyah

BIL	RESPONDEN	MARKAH	GRED	PENCAPAIAN
1	Murid A	98%	A	Amat Cemerlang
2	Murid B	100%	A	Amat Cemerlang
3	Murid C	86%	A	Amat Cemerlang
4	Murid D	100%	A	Amat Cemerlang
5	Murid E	72%	B	Baik
6	Murid F	96%	A	Amat Cemerlang
7	Murid G	92%	A	Amat Cemerlang



Rajah 3: Menunjukkan Pencapaian Mengenal Huruf Hijaiyyah



Rajah 4: Perbandingan Peningkatan Markah Ujian 1 dan Ujian 2 dalam Mengenal Huruf Hijaiyyah

2. Sejauh manakah murid prasekolah dapat membaca huruf hijaiyyah melalui aplikasi “Mulmed” ?


a. Ujian 1

Jadual 5 dan rajah 5 menunjukkan pencapaian markah membaca huruf hijaiyyah dalam ujian 1. Dapatan menunjukkan murid lulus, murid A memperoleh 50% markah dengan gred E, murid B memperoleh 60% markah dengan gred E iaitu pencapaian sederhana. Manakala murid C memperoleh 48% markah dengan gred E dan pencapaian lulus, Murid D memperoleh 56% markah dengan gred E pencapaian sederhana. Murid F dan G masing-masing memperoleh 52% markah dan 54% markah iaitu gred E dan masing-masing lulus

dalam ujian pra (membaca) kecuali seorang, iaitu murid E yang masih berada di paras gagal dengan markah 38 %.

Jadual 5: Pencapaian Markah Membaca Huruf Hijaiyyah

BIL	RESPONDEN	MARKAH	GRED	PENCAPAIAN
1	Murid A	50	E	Lulus
2	Murid B	60	E	Sederhana
3	Murid C	48	E	Lulus
4	Murid D	56	E	Sederhana
5	Murid E	38	G	Gagal
6	Murid F	52	E	Lulus
7	Murid G	54	E	Lulus




Rajah 5: Pencapaian Markah Membaca Huruf Hijaiyyah

b. Ujian 2

Ujian 2 yang telah dijalankan kepada murid telah menunjukkan prestasi yang baik dan amat cemerlang dalam penguasaan membaca huruf hijaiyyah melalui aplikasi “MulMed”. Murid A menunjukkan pencapaian 98% markah dengan memperolehi gred A dan pencapaian amat cemerlang. Manakala murid B, D dan G masing-masing telah memperolehi 100% markah iaitu gred A dan pencapaian amat cemerlang, murid C pula memperolehi markah 96% markah juga dengan gred A dan pencapaian amat cemerlang. Bagi murid E turut memperolehi gred B dengan pencapaian cemerlang bagi markah yang diperolehi olehnya iaitu 82% markah. Seterusnya murid F turut memperolehi pencapaian amat cemerlang dengan perolehan markah 84% markah iaitu gred A. Jadual 8 dan rajah 7 menunjukkan tahap pencapaian mereka dalam ujian pos.

Jadual 6: Tahap Pencapaian Membaca Huruf Hijaiyyah

BIL	RESPONDEN	MARKAH	GRED	PENCAPAIAN
1	Murid A	98	A	Amat Cemerlang
2	Murid B	100	A	Amat Cemerlang
3	Murid C	96	A	Amat Cemerlang
4	Murid D	100	A	Amat Cemerlang
5	Murid E	82	B	Cemerlang
6	Murid F	84	A	Amat Cemerlang
7	Murid G	100	A	Amat Cemerlang




Rajah 6: Pencapaian Markah Ujian 2 dalam Penguasaan Membaca Huruf Hijaiyyah.

c. Perbandingan Antara Ujian 1 Dan Ujian 2 Dalam Penguasaan Mambaca Huruf Hijaiyyah.

Jadual 7 dan rajah 7 menunjukkan perbandingan antara ujian 1 dan ujian 2 murid dalam penguasaan membaca melalui aplikasi “Mulmed”. Terdapat banyak peningkatan yang diperolehi oleh kesemua responden. Di mana murid A telah meningkat markah dari 50% ke 98%, murid B markah 60% kepada 100%. Manakala murid C telah meningkat dari 48% ke 96%. Seterusnya murid D memperoleh 56% ke 100%, begitu juga murid E turut meningkat secara mendadak iaitu dari 38% ke 82%, turut meningkat iaitu murid F dan G iaitu masing – masing memperoleh markah 52% ke 54% dan meningkat ke 84% ke 100%.

Jadual 7: Perbandingan Peratusan Markah Ujian 1 dan Ujian 2 dalam Membaca Huruf Hijaiyyah

	RESPONDEN	UJIAN 1(%)	UJIAN 2(%)	NILAI PENINGKATAN(%)
1	Murid A	50	98	48
2	Murid B	60	100	40
3	Murid C	48	96	48
4	Murid D	56	100	50
5	Murid E	38	82	44
6	Murid F	52	84	32
7	Murid G	54	100	46



Rajah 7: Perbandingan Ujian 1 dan Ujian 2 dalam Penguasaan Membaca Huruf Hijaiyyah.

c. Perbandingan Antara Ujian 1 Dan Ujian 2 Dalam Penguasaan Mambaca Huruf Hijaiyyah.

Jadual 7 dan rajah 7 menunjukkan perbandingan antara ujian 1 dan ujian 2 murid dalam penguasaan membaca melalui aplikasi “Mulmed”. Terdapat banyak peningkatan yang diperolehi oleh kesemua responden. Di mana murid A telah meningkat markah dari 50% ke 98%, murid B markah 60% kepada 100%. Manakala murid C telah meningkat dari 48% ke 96%. Seterusnya murid D memperolehi 56% ke 100%, begitu juga murid E turut meningkat secara mendadak iaitu dari 38% ke 82%, turut meningkat iaitu murid F dan G iaitu masing – masing memperolehi markah 52% ke 54% dan meningkat ke 84% ke 100%.

3. Adakah penggunaan “MulMed” dapat meningkatkan penguasaan mengecam huruf hijaiyyah dalam kalangan murid Prasekolah?

BIL RESPONDEN MARKAH GRED PENCAPAIAN


Penggunaan “MulMed” secara keseluruhannya telah menunjukkan prestasi murid yang amat tinggi dengan peningkatkan penguasaan mengenal dan membaca secara penguasaan mengecam huruf hijaiyyah dalam kalangan murid prasekolah.

a. Dapatan Ujian 1

Sesi ujian 1 telah pun dijalankan ke atas murid. Masih terdapat murid yang belum mengecam keseluruhan huruf hijaiyyah dan belum menguasai sepenuhnya dalam membaca, mengenal juga mengecam keseluruhan huruf hijaiyyah ini kerana mereka tidak diperkenalkan dengan aplikasi “MulMed”.

Jadual 8 dan rajah 8 di bawah menunjukkan pencapaian markah mengecam huruf hijaiyyah dalam ujian 1. Di dalam paparan jadual tersebut menunjukkan murid A memperoleh markah 56% dengan gred D, manakala murid B pula memperoleh markah 64% dengan gred D kedua-duanya memperoleh pencapaian sederhana, murid C pula memperoleh markah 50% dengan pencapaian Lulus iaitu gred E, Murid D pula memperoleh markah 58% dengan gred D juga pencapaian sederhana. Masih terdapat murid yang mendapat gred G dengan markah 38% dan pencapaian yang dikategorikan sebagai gagal iaitu murid E. Manakala Murid F memperoleh markah sebanyak 54% dengan gred E dan pencapaiannya lulus, bagi murid G pula memperoleh markah 64% dengan pencapaian sederhana iaitu gred D. Lihat Jadual 10 dan rajah 9 di sebelah yang menunjukkan pencapaian markah murid dalam ujian 1 mengecam huruf hijaiyyah.

Jadual 8: Pencapaian Markah Ujian 1 Mengecam Huruf Hijaiyyah



1	Murid A	56	D	Sederhana
2	Murid B	64	D	Sederhana
3	Murid C	50	E	Lulus
4	Murid D	58	D	Sederhana
5	Murid E	38	G	Gagal
6	Murid F	54	E	Lulus
7	Murid G	64	D	Sederhana

Rajah 8: Pencapaian markah ujian 1 dalam mengecam huruf hijaiyyah


a. **Dapatan Ujian 2**

Ujian 2 telah dijalankan ke atas murid setelah aplikasi “Mulmed” dilaksanakan. Ternyata murid telah menunjukkan banyak peningkatan iaitu mampu membaca huruf hijaiyyah dengan yakin sekali, dan dapat menguasai sepenuhnya dalam membaca, mengenal juga mengecam keseluruhan huruf hijaiyyah setelah sebulan menjalankan sesi pembelajaran dan pengajaran melalui aplikasi “Mulmed”.

Jadual 9 dan rajah 9 menunjukkan pencapaian murid mengecam huruf hijaiyyah dalam ujian 2. Semua murid lulus iaitu murid A, C, F dan G masing-masing memperoleh 100% markah dengan gred A iaitu pencapaian amat cemerlang, murid B dan D memperoleh 98% markah dengan gred A. Manakala murid E memperoleh 96% markah dengan gred A dan secara keseluruhannya mereka telah berjaya mencapai gred A dengan pencapaian amat cemerlang.

Jadual 9: Pencapaian markah ujian pos dalam mengecam huruf hijaiyyah

BIL	RESPONDEN	MARKAH	GRED	PENCAPAIAN
1	Murid A	100	A	Amat Cemerlang
2	Murid B	98	A	Amat Cemerlang
3	Murid C	100	A	Amat Cemerlang
4	Murid D	98	A	Amat Cemerlang
5	Murid E	96	A	Amat Cemerlang
6	Murid F	100	A	Amat Cemerlang
7	Murid G	100	A	Amat Cemerlang



Rajah 9: Pencapaian markah ujian 2 dalam mengecam huruf hijaiyyah

Dalam jadual 9 dan rajah 9 menunjukkan kesamarataan graf markah pencapaian murid iaitu antara 96% hingga 100%, keseluruhannya telah mencapai gred A dengan pencapaian amat cemerlang dan ini menunjukkan kajian untuk meningkatkan penguasaan pengecaman huruf hijaiyyah melalui aplikasi “Mulmed” dalam kalangan murid prasekolah telah berjaya secara keseluruhannya.


c. Perbandingan Antara Ujian 1 Dan Ujian 2 Dalam Penguasaan Mengecam Huruf Hijaiyyah.

Jadual 10 rajah 10 menunjukkan perbandingan antara ujian 1 dan ujian 2 dalam penguasaan membaca melalui aplikasi “Mulmed”. Terdapat peningkatan yang diperolehi oleh kesemua murid. Di mana murid A telah meningkat markah dari 56% kepada 100%, murid B markah 64% kepada 98%. Manakala murid C telah meningkat dari 50% ke 100%. Seterusnya murid D memperolehi 58% ke 98%, begitu juga murid E turut meningkat secara mendadak iaitu dari 38% ke 96%, turut meningkat iaitu murid F dan G iaitu masing-masing memperolehi markah 54% dan 64% dengan peningkatan kepada 100%.

Jadual 10: Perbandingan Peratusan Markah Ujian 1 dan Ujian 2 Dalam Mengecam Huruf Hijaiyyah

BIL	RESPONDEN	UJIAN PRA(%)	UJIAN POS(%)	NILAI PENINGKATAN(%)
1	Murid A	56%	100%	44%
2	Murid B	64%	98%	34%
3	Murid C	50%	100%	50%
4	Murid D	58%	98%	40%
5	Murid E	38%	96%	58%
6	Murid F	54%	100%	46%

7	Murid G	64%	100%	36%
---	---------	-----	------	-----



Rajah 10: Perbandingan Antara Ujian 1 Dan Ujian 2 Dalam Pengecaman Huruf Hijaiyyah

Jadual 10 dan rajah 10 menunjukkan peningkatan mendadak 7 orang murid prasekolah dalam mengecam huruf hijaiyyah melalui aplikasi “Mulmed”. Murid A memperoleh peningkatan sebanyak 44%, manakala murid B memperoleh peningkatan sebanyak 34%, bagi murid C pula 50% peningkatan, murid D mempunyai 40% peningkatan berbanding ujian 1. Manakala murid E pula memperoleh peningkatan yang mendadak dan amat membanggakan diri penulis iaitu 58% nilai peningkatannya. Murid F pula mempunyai nilai peningkatannya 46% dan akhir sekali murid G mempunyai nilai peningkatan 36% berbanding ujian sebelumnya iaitu ujian 1.

6.0 KESIMPULAN

Pada peringkat awal pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran Iqra’, Pengkaji telah dapat mengenal pasti masalah sebenar 7 orang murid prasekolah IPGKDA, di mana mereka mempunyai masalah mengenal, membaca dan menguasai huruf hijaiyyah. Ini kerana kebiasaannya murid hanya diminta membaca beramai-ramai huruf hijaiyyah tanpa disertakan pelbagai alat bantuan mengajar yang lain. Namun demikian aplikasi “Mulmed” telah menunjukkan satu peningkatan yang sangat membanggakan.

Kajian ini wajar dilaksanakan kerana telah menjawab ke tiga-tiga persoalan kajian serta mencapai objektif yang ingin dicapai iaitu meningkatkan penguasaan mengecam huruf hijaiyyah melalui aplikasi “Mulmed” dalam kalangan murid prasekolah. Mereka sering keliru dengan setiap huruf hijaiyyah yang hampir sama pada setiap kali sesi pembelajaran al-Quran (menggunakan buku Iqra’), namun masalah itu dapat di atasi dengan menggunakan aplikasi “Mulmed”.

Setelah menggunakan aplikasi “Mulmed” dalam pengajaran dan pembelajaran sebanyak 7 orang murid telah menunjukkan tahap penguasaan yang positif dalam mengenal huruf hijaiyyah dan ianya amat membanggakan dengan respon yang diberikan dari permulaan pembelajaran mereka hinggalah akhir sebagai bukti yang telah ditunjukkan di dalam rajah 10 berlaku peningkatan markah pada ujian 2 berbanding ujian 1. Melalui aplikasi ini juga ia turut menarik minat murid untuk lebih meminati untuk belajar al-Quran dengan menggunakan buku Iqra’.

Berdasarkan analisis tahap penguasaan murid prasekolah membaca huruf hijaiyyah melalui aplikasi ‘Mulmed’ adalah amat cemerlang secara keseluruhannya, di mana mereka telah menunjukkan satu keputusan yang amat membanggakan penulis. Mereka telah menguasai secara keseluruhan huruf hijaiyyah dengan lebih cepat dan lancar daripada jangkauan penulis. Selain itu, penulis dapati terdapat perubahan yang lebih baik dan positif di mana murid-murid menunjukkan kesungguhan dan minat untuk mempelajari ilmu iqra’ melalui aplikasi “Mulmed”.

Keseluruhannya murid telah menunjukkan penguasaan mengecam huruf hijaiyyah dengan amat cemerlang sekali seperti yang ditunjukkan di dalam rajah 8. Dapatan kajian yang dianalisis telah membuktikan bahawa kajian yang dijalankan berupaya menjawab semua persoalan kajian seterusnya mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Melalui analisis data daripada pemerhatian hasil kerja murid, ujian 1 dan ujian 2 setiap murid menunjukkan peningkatan yang sangat memberangsangkan. Aplikasi “Mulmed” dalam P&P bidang al-Quran (menggunakan buku Iqra’), ternyata ia amat membantu untuk murid prasekolah mengecam huruf hijaiyyah dengan sebutan yang betul dan lancar. Mereka lebih berminat untuk mengikuti kelas al-Quran. Terdapat banyak perbezaan selepas menggunakan aplikasi “Mulmed” dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran antaranya ialah lonjakan nilai peningkatan dalam ujian 2 yang sekata dalam memperolehi markah di antara 96% hingga 100% iaitu pencapaian yang dikategorikan sebagai amat cemerlang. Ini membuktikan bahawa aplikasi “Mulmed” yang dilaksanakan berjaya dan berkesan dalam membantu meningkatkan penguasaan pengecaman huruf hijaiyyah dalam kalangan murid prasekolah.

Sudah menjadi lumrah kehidupan bahawa setiap sesuatu pasti mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri. Tidak ketinggalan juga dalam kajian tindakan ini masih terdapat kelemahan yang tidak dapat dielakkan antaranya ialah sesi pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan aplikasi “Mulmed” tidak dapat dijalankan apabila berlaku gangguan bekalan elektrik pada waktu pengajaran dan pembelajaran. Selain itu juga P&P al-Quran (menggunakan buku Iqra’) tidak dapat berjalan dengan lancar akibat daripada capaian internet terlalu lembab.

Cadangan kepada Ibu bapa. perlu memainkan peranan yang penting dalam memberikan pendidikan al-Quran kepada anak-anak sejak dari kecil lagi untuk menanamkan minat mereka terhadap bidang al-Quran dengan memberikan pendedahan secara formal atau tidak formal sama ada melalui pendekatan video interaktif di rumah, dalam kenderaan atau di kelas pengajian al-Quran atau melalui pembacaan bersama dengan ahli keluarga. Di mana hari ini terdapat pelbagai jenis maklumat yang disalurkan di media massa seperti media elektronik dan media cetak contoh media elektronik ialah siaran televisyen seperti program iqra’, mari mengaji, program Abqari dan sebagainya.

Selain itu, perisian komputer yang berteraskan al-Quran perlu diperbanyakkan dan diperluaskan lagi penggunaannya untuk menarik minat murid untuk menguasai pengecaman huruf hijaiyyah. Tenaga pengajar juga perlu lebih kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya untuk murid prasekolah agar menjadi lebih berminat dan tidak jemu untuk mempelajari ilmu al-Quran. Masyarakat sekeliling juga perlu memainkan peranan penting dalam menarik minat kanak-kanak seperti mengadakan aktiviti-aktiviti yang boleh mencabar kebolehan mereka seperti pertandingan kuiz, pertandingan susun huruf hijaiyyah dan banyak lagi.

Dalam kajian akan datang saya berhasrat untuk memperkembangkan lagi kajian ini pada peringkat yang lebih luas lagi. Ini berdasarkan dari perkembangan positif yang dapat dilihat daripada apa yang berlaku pada responden penulis dengan aplikasi “Mulmed” dapat meningkatkan penguasaan pengecaman huruf hijaiyyah dalam kalangan mereka. Aplikasi ini juga boleh digunakan dalam subjek lain bagi membantu murid yang lemah dan ketinggalan.

Adalah dharapkan agar kajian ini dapat dimanfaatkan oleh semua guru lebih-lebih lagi guru prasekolah dalam usaha mereka untuk meningkatkan penguasaan mengecam sesuatu subjek. Kajian tindakan ini masih boleh diubahsuai mengikut kesesuaian dan keadaan murid.

7.0 RUJUKAN

Al-Quranul Karim dan Terjemahannya. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.

Ahmad Mohd Salleh. (2008). Pengajian Agama Islam Dan j.QAF: Metodologi Dan Pedagogi Pendidikan. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Amirul Faiz Abdul Raof. (2011). Penggunaan Video Animasi Dapat Meningkatkan Kemahiran Komunikasi Interpersonal Dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah: Kajian Tindakan PISMP Sem 8 2008.

Choong Fook Meng dan Jaizah Mahamud. (2011). Kajian Tindakan: Konsep Dan Amalan Dalam Pengajaran. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Fazlina Fadzil, Nurulazidah Jaafar. (2012) Kajian Pengamalan dan Kesedaran Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan: Prosiding Seminar Pendidikan Politeknik 2012.

Mertler, C.A. (2006). Action Research: Teachers as Researchers in the Classroom. USA: Sage Publications.

Muhammad Farhan Ismail, Siti Nurfarhana Zakaria. (2010). Kajian Pembacaan Surah al-Fatihah Di Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak: Prosiding Seminar Transformasi Pendidikan Teknikal.

Nor Ella Fadzilah. (2012). Sing IT. Penyelidikan Tindakan PISMP Prasekolah Ambilan Januari 2009.

Wan Fatmawati. (2012). Seminar Penyelidikan Tindakan IPGKBL Tahun 2012. Koleksi Artikel Penyelidikan 56 - 70.

Cikgu Ani. (2010). Teori Jean Piaget. <http://blogsport.com>.